

Pembentukan Konsep Kendiri Remaja

Azizi bin Hj Yahaya

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Di samping itu, setiap keluarga juga mengamalkan corak gaya asuhan dan pemantauan tersendiri yang berbeza terhadap ahlinya dan keadaan ini memberi impak terhadap pembentukan kendiri remaja.